

**TEKS UCAPAN LT. KOL. PROF. DATO' DR. KAMARUDIN HUSSIN
SEMPENA PENDAFTARAN PELAJAR BARU KUKUM SIDANG AKADEMIK
2005/2006 DI DEWAN KOLEJ KEDIAMAN PELAJAR, KAMPUNG WAI,
KUALA PERLIS PADA 3 JULAI 2005.**

BISMILLAH HIRRAHMAN NIRRAHIM

ASSALAMUALAIKUM WARAHMATULLAHI WABARAKATUH DAN SALAM
SEJAHTERA.

MENGADAP DULI YANG MAHA MULIA TUANKU SYED FAIZUDDIN PUTRA
IBNI TUANKU SYED SIRAJUDDIN JAMALULLAIL, PEMANGKU RAJA PERLIS
MERANGKAP CANSELOR KOLEJ UNIVERSITI KEJURUTERAAN UTARA
MALAYSIA (KUKUM).

AMPUN TUANKU, SEMBAH PATIK MOHON DIAMPUN,

TERLEBIH DAHULU, PATIK BAGI SELURUH WARGA KOLEJ UNIVERSITI
KEJURUTERAAN UTARA MALAYSIA (KUKUM) INGIN MERAFAK SEMBAH,
MENJUNJUNG KASIH YANG TIDAK TERHINGGA DI ATAS PERKENAN DULI
TUANKU MENCEMAR DULI BERANGKAT KE MAJLIS TAKLIMAT BERSAMA
IBU BAPA DAN WARIS PELAJAR-PELAJAR BARU BERSEMPENA DENGAN
MAJLIS PENDAFTARAN PELAJAR-PELAJAR BARU SIDANG AKADEMIK
2005/2006 PADA PAGI YANG BERSEJARAH INI.

SESUNGGUHNYA KEHADIRAN TUANKU KE MAJLIS INI AMAT BESAR
ERTINYA KEPADA KAMI DAN IA MENCATATKAN SEJARAH TERSENDIRI
DALAM SEJARAH PENUBUHAN MANA-MANA INSTITUSI PENGAJIAN TINGGI
AWAM DI NEGARA INI. BUAT PERTAMA KALINYA SEORANG CANSELOR
HADIR DI HARI PENDAFTARAN PARA PELAJAR BARU DAN INI JELAS
MENUNJUKKAN TUANKU AMAT PERIHATIN KEPADA PERKEMBANGAN
UNIVERSITI INI. PATIK MEWAKILI WARGA KUKUM INGIN MERAKAMKAN
JUTAAN TERIMA KASIH KEPADA TUANKU SYED FAIZUDDIN KERANA

TELAH SUDI MENCEMAR DULU BERANGKAT KE MAJLIS INI WALAUPUN BARU SAHAJA PULANG DARI LAWATAN KERJA RASMI KE PERANCIS DAN SWITZERLAND.

AMPUN TUANKU,

IZINKAN PATIK MENYAMPAIKAN UCAPAN KEPADA BARISAN TETAMU YANG HADIR.

YANG BERBAHAGIA PROF. DR. ALI YEON MD. SHAKAFF, TIMBALAN REKTOR KUKUM,

YANG BERUSAHA TUAN HAJI RUSLI BIN ABD HAMID, PENDAFTAR KUKUM,

YANG BERUSAHA TUAN HAJI AYOB ISMAIL, BENDAHARI KUKUM,

YANG BERUSAHA PUAN HAJJAH FOYZIAH AHMAD NASURUDIN, KETUA PUSTAKAWAN KUKUM,

DEKAN-DEKAN DAN KETUA-KETUA JABATAN,

WARGA KERJA KUKUM,

YANG DIHORMATI PARA IBU BAPA DAN WARIS PELAJAR SEKALIAN,

ALHAMDULILLAH, BERSYUKUR KITA KE HADRAT ALLAH SUBBHANAHU WA TAALA KERANA DENGAN LIMPAH KURNIA, REZEKI, KASIH SAYANG SERTA KEIZINAN-NYA DAPAT KITA BERKUMPUL PADA PAGI INI DI DALAM SUASANA YANG PENUH KECERIAAN BERSEMPENA DENGAN MAJLIS

PENDAFTARAN PELAJAR-PELAJAR BARU SIDANG AKADEMIK 2005/2006 DI KOLEJ UNIVERSITI KEJURUTERAAN UTARA MALAYSIA (KUKUM) INI.

TERLEBIH DAHULU, SAYA MEWAKILI PIHAK PENTADBIRAN UNIVERSITI INGIN MENGUCAPKAN SELAMAT DATANG KEPADA PARA IBU-BAPA DAN WARIS PELAJAR-PELAJAR BARU SIDANG AKADEMIK 2005/2006 KE KUKUM YANG TERLETAK DI NEGERI PERLIS INDERA KAYANGAN INI. UNTUK MAKLUMAN SEMUA PERLIS YANG KECIL TETAPI INDAH LAGI MEMPERSONA INI JUGA DIKENALI SEBAGAI NEGERI ILMU.

SELAIN KUKUM TERDAPAT BEBERAPA BUAH INSTITUSI PENGAJIAN TINGGI YANG LAIN BERADA DI SINI SEPERTI UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA (UiTM), MAKTAB PERGURUAN, INSTITUT LATIHAN PERINDUSTRIAN (ILP), INSTITUT KEMAHIRAN MARA (IKM) DAN INSTITUT KEMAHIRAN BELIA NEGARA (IKBN), POLITEKNIK PERLIS DAN KOLEJ KOMUNITI.

DENGAN PENUH KEIKHLASAN, SAYA JUGA INGIN MENGUCAPKAN SYABAS DAN TAHNIAH KEPADA TUAN-TUAN DAN PUAN-PUAN SEKALIAN KERANA IMPIAN UNTUK MELIHAT ANAK-ANAK DAN WARIS MENJEJAKKAN KAKI KE MENARA GADING TELAH TERCAPAI DAN TERZAHIR PADA HARI YANG CUKUP BERSEJARAH INI.

SEBAGAI REKTOR DAN JUGA BAPA, SAYA PASTI TUAN-TUAN DAN PUAN-PUAN SEMUA TERSENYUM BANGGA DENGAN KEJAYAAN YANG TELAH DIKECAPI OLEH ANAK-ANAK DAN WARIS MASING-MASING. TIDAK ADA PERISTIWA YANG PALING TERUJA SELAIN DAPAT MENYAKSIKAN DARAH DAGING SENDIRI MELANGKAH DENGAN PENUH MEGAH DAN BANGGA MENDAFTAR DIRI DI PUSAT PENGAJIAN TINGGI DAN SEKALIGUS BERGELAR MAHASISWA DAN MAHASISWI.

HADIRIN DAN HADIRAT SEKALIAN,

DI KESEMPATAN INI, SAYA INGIN MENJELASKAN KEPADA TUAN-TUAN DAN PUAN-PUAN SEMUA BAHAWA KOLEJ UNIVERSITI KEJURUTERAAN UTARA MALAYSIA ATAU RINGKASNYA KUKUM ADALAH INSTITUT PENGAJIAN TINGGI AWAM (IPTA) YANG PALING BONGSU DI NEGARA SELAIN 16 IPTA YANG LAIN.

SAYA JUGA INGIN MENEGASKAN BAHAWA KUKUM BUKAN SEBUAH INSTITUT PENGAJIAN TINGGI SWASTA ATAU KOLEJ SWASTA SEPERTI MANA YANG SERING DISALAH ANGGAP OLEH SESETENGAH PIHAK. PENGGUNAAN ISTILAH KOLEJ UNIVERSITI JUGA BUKAN BERMAKNA KUKUM ADALAH UNIVERSITI KELAS KEDUA.

KUKUM ADALAH SETARAF DENGAN MANA-MANA UNIVERSITI AWAM YANG TERDAPAT DI NEGARA INI. PENGAMBILAN DAN KEMASUKAN PELAJAR ADALAH SAMA SEPERTI MANA-MANA UNIVERSITI LAIN IAITU MELALUI UNIT PUSAT UNIVERSITI ATAU U.P.U. PASTI TUAN-TUAN DAN PUAN-PUAN TERTANYA-TANYA KENAPA HARUS MENGGUNAKAN ISTILAH KOLEJ UNIVESITI ATAU K.U? TIDAK UNIVERSITI SAHAJA.

ISTILAH KOLEJ UNIVERSITI ATAU K.U SEBENARNYA DIGUNAPAKAI OLEH KEMENTERIAN PENGAJIAN TINGGI MALAYSIA BAGI MENUNJUKKAN UNIVERSITI TERSEBUT HANYA MEMFOKUSKAN KEPADA SATU BIDANG PENGAJIAN SAHAJA. SELAIN DARIPADA ITU PENDEKATAN PEMBELAJARAN YANG DIJALANKAN OLEH KOLEJ UNIVERSITI SEPERTI KUKUM INI JUGA BERBEZA DARI UNIVERSITI AWAM ATAU KONVENSIONAL YANG LAIN.

UNTUK PENGETAHUAN SEMUA, KUKUM TELAH DITUBUHKAN SEBAGAI SEBUAH IPTA YANG KE-17 SETELAH IA DILULUSKAN OLEH KABINET PADA 25 JULAI 2001. PENUBUHAN KUKUM BERTUJUAN UNTUK MELAHIRKAN

JURUTERA BERKEMAHIRAN TINGGI BAGI MEMENUHI PELAN PERINDUSTRIAN NEGARA SELAIN MEMBERI ALTERNATIF KEPADA PELAJAR YANG CENDERUNG KEPADA PEMBELAJARAN SECARA PRAKTIKAL.

AKTIVITI DAN PEMBANGUNAN KURIKULUM, PEMBANGUNAN FIZIKAL DAN PENGAMBILAN STAF BERMULA SELEPAS PERLANTIKAN REKTOR DAN TIMBALAN REKTOR AKADEMIKNYA PADA 16 FEBRUARI 2002 YANG LALU. PADA 2 MEI 2002, KUKUM MULA BEROPERASI DI KAMPUS SEMENTARA DI KUBANG GAJAH, ARAU, PERLIS DAN TELAH MENERIMA PELAJAR SULUNG BAGI SIDANG AKADEMIK 2002/2003 SERAMAI LEBIH KURANG 116 ORANG PADA 20 JUN 2002.

PEMBELAJARAN YANG DILAKSANAKAN ADALAH SECARA 'LAB INTENSIVE' ATAU PRAKTIKAL BAGI MENGHASILKAN JURUTERA YANG BERKEBOLEHAN DALAM MEREKABENTUK, MEMBUAT PERALATAN, MENGUJI DAN MENYELENGGARA SERTA MENGAPLIKASI SEBARANG KONSEP TEORI. PROGRAM AKADEMIK KUKUM ADALAH BERASASKAN 60% PENGAJARAN DALAM BENTUK PRAKTIKAL DAN 40% LAGI DALAM BENTUK PENGAJARAN TEORI.

JUSTERU ITU KUALITI GRADUAN KUKUM YANG AKAN DIHASILKAN KELAK, SUDAH PASTI BERKUALITI TINGGI KERANA MEREKA TELAH DIBIASAKAN SEJAK TAHUN PERTAMA PENGAJIAN LAGI DENGAN SEGALA PERALATAN SEPERTI MANA YANG TERDAPAT DI INDUSTRI. MAKA TIDAK DAPAT TIDAK, KEUNIKAN SISTEM PEMBELAJARAN YANG DIJALANKAN DI UNIVERSITI INI YANG MENGGUNAPAKAI SISTEM 'FACHHOCHSHULE' DARI JERMAN BUKAN SAHAJA MAMPU MENGHASILKAN KUALITI GRADUAN YANG TINGGI MALAH MEMENUHI KEPERLUAN SERTA PASARAN GUNATENAGA PEKERJA BERKEMAHIRAN TINGGI DI INDUSTRI.

HASIL DARI MAKLUMBALAS YANG DITERIMA DARI PIHAK INDUSTRI SENDIRI MENGENAI PELAJAR-PELAJAR KUKUM (FIRST BATCH STUDENTS) YANG TELAH MENJALANI LATIHAN PRAKTIKAL SENDIRI AMAT POSITIF. MEREKA SECARA JUJUR MENGATAKAN PELAJAR-PELAJAR KUKUM AMAT CEMERLANG SEMASA MENJALANI LATIHAN INDSUTRI KERANA APA JUA BENTUK TUGASAN YANG TELAH DIBERIKAN MAMPU DISELESAIKAN DENGAN BAIK.

HADIRIN DAN HADIRAT SEKALIAN,

SEHINGGA KINI KUKUM MEMPUNYAI BILANGAN PELAJAR SERAMAI LEBIH KURANG 1300 ORANG DAN KEMASUKAN PELAJAR BARU SEBANYAK 819 ORANG INI MENJADIKAN JUMLAH KESELURUHAN PELAJAR KUKUM SERAMAI 2119 ORANG. BILANGAN KAKITANGAN PULA SEHINGGA JANUARI 2005 IALAH SEBANYAK 580 ORANG IAITU MERANGKUMI 188 ORANG KAKITANGAN AKADEMIK DAN 392 ORANG PULA TERDIRI DARIPADA KUMPULAN PENGURUSAN DAN PROFESIONAL SERTA KUMPULAN SOKONGAN.

KUKUM BEROPERASI DAN BERLOKASI DI SELURUH NEGERI PERLIS. ADA DI BANGUNAN KWSP KANGAR IAITU YANG MENEMPATKAN JABATAN CANSELORI, JABATAN PENDAFTAR, MAKMAL SERTA PERPUSTAKAAN. DI KUBANG GAJAH, ARAU PULA TERDAPAT JABATAN HAL EHWAL PELAJAR (HEP) DAN PUSAT TEKNOLOGI MAKLUMAT DAN KOMUNIKASI.

DI JEJAWI PULA DITEMPATKAN BANGUNAN PUSAT-PUSAT PENGAJIAN DAN MANAKALA DI KUALA PERLIS SENDIRI TERDAPATNYA PUSAT KEJURUTERAAN KUKUM, MAKMAL SERTA KOLEJ-KOLEJ KEDIAMAN.

DISEBABKAN IA TERDAPAT DI MERATA-RATA TEMPAT DI NEGERI PERLIS INI, MAKA KUKUM DIKENALI SEBAGAI 'DISTRIBUTED CAMPUS' ATAU KAMPUS TERAGIH.

KONSEP KAMPUS TERAGIH INI MUNGKIN SESUATU YANG JARANG KITA DENGAR TETAPI IA TELAH LAMA DIPRAKTIKAN DI BARAT SEPERTI DI UNIVERSITI CAMBRIDGE DAN UNIVERSITI OXFORD DI ENGLAND. IBU BAPA TIDAK PERLU KHUATIR MEMIKIRKAN MASALAH PENGANGKUTAN ANAK-ANAK DARI KOLEJ KEDIAMAN KE DEWAN KULIAH DAN SEBAGAINYA DEK KERANA KONSEP TERAGIH INI.

PIHAK UNIVERSITI TELAH MENYEDIAKAN KEMUDAHAN BAS PENGANGKUTAN DENGAN SISTEM BERJADUAL DAN IA AMAT EFISYEN. BAS-BAS KUKUM AKAN MEMBAWA PARA PELAJAR INI DARI KOLEJ KEDIAMAN MEREKA KE PUSAT PENGAJIAN, KE DEWAN KULIAH ATAU PUN KE PERPUSTAKAAN MENGIKUT ZON DAN JADUAL YANG TELAH DISEDIAKAN.

DI KOLEJ-KOLEJ KEDIAMAN SENDIRI, PARA PELAJAR TELAH DIBEKALKAN DENGAN KEMUDAHAN INTERNET BAGI MEMUDAHKAN LAGI PROSES PEMBELAJARAN MEREKA APABILA DIBERI TUGASAN OLEH PARA PENSYARAH. JUMLAH MASA UNTUK MELAYARI INTERNET JUGA TIADA HAD. MEREKA BOLEH MELAYARI INTERNET, MEMUAT TURUN NOTA-NOTA KULIAH SERTA TUGASAN DAN BERHUBUNG TERUS DENGAN PENSYARAH MELALUI PORTAL KHAS YANG TELAH DISEDIAKAN.

SELAIN DARIPADA ITU, SETIAP PELAJAR KUKUM AKAN DIPECAHKAN KEPADA BEBERAPA KUMPULAN PELAJAR DAN MEREKA AKAN DIPANTAU SERTA DIAWASI PRESTASI AKADEMIK DAN SAHSIAH DIRI BERMULA DARI TAHUN PERTAMA PENGAJIAN SEHINGGA TAHUN AKHIR PENGAJIAN OLEH KAKITANGAN AKADEMIK KUKUM YANG TERLATIH. KAKITANGAN YANG

TERLATIH INI DIKENALI SEBAGAI MENTOR. PARA PELAJAR AKAN BERADA DI DALAM KUMPULAN YANG SAMA DENGAN SEORANG MENTOR YANG SAMA JUGA SEHINGGA LAH TAMAT PENGAJIAN MEREKA DI UNIVERSITI INI.

MELALUI KAEDAH RAKAN PENDAMPING SISWA ATAU RPS INI PARA PELAJAR BOLEH BERBINCANG, BERTANYA SERTA MELUAHKAN SEGALA MASALAH YANG BERKAITAN PEMBELAJARAN MAHUPUN PERIBADI DAN MENTOR AKAN CUBA MEMBERI NASIHAT DAN TUNJUK AJAR DALAM MENYELESAIKAN SETIAP MASALAH YANG DIHADAPI OLEH PARA MENTEE ATAU PELAJAR TADI.

PERLAKSANAAN SISTEM INI SECARA TIDAK LANGSUNG DAPAT MERAPATKAN HUBUNGAN SILATURRAHIM DAN KEKELUARGAAN ANTARA PELAJAR DENGAN PELAJAR DAN ANTARA PELAJAR DENGAN KAKITANGAN KUKUM SENDIRI. WARGA KERJA KUKUM BUKAN SAHAJA PROAKTIF TETAPI IKHLAS, TELUS, CEPAT, TEPAT DAN SENTIASA BEKERJA DI DALAM SATU PASUKAN SERTA SALING TOLONG-MENOLONG ANTARA SATU SAMA LAIN.

SAYA AMAT PERCAYA BERBINCANG, BERFIKIR DAN BANTU-MEMBANTU SERTA TOLONG-MENOLONG ANTARA SATU SAMA LAIN DI DALAM SATU KUMPULAN ADALAH KAEDAH YANG TERBAIK DALAM MENANGANI SEBARANG MASALAH KERANA PERKEMBANGAN DIRI MEREKA AKAN SENTIASA DIAMBIL BERAT OLEH AHLI-AHLI LAIN DI DALAM KUMPULAN TERSEBUT DAN IA SEKALIGUS BERFUNGSI SEBAGAI KUMPULAN PENDESAK YANG BERSIFAT POSITIF DAN PROAKTIF.

HADIRIN DAN HADIRAT SEKALIAN,

PERJALANAN HIDUP BAGI SEORANG PELAJAR YANG BERGELAR MAHASISWA DAN MAHASISWI ADALAH SANGAT MENCABAR. TERKADANG IA BEGITU MENDESAK DAN MERENTAP KESABARAN INDIVIDU. SEGALA USAHA, DAYA DAN KUDRAT HARUS DIPAKSIKAN ATAU DIFOKUSKAN KEPADA PEMBELAJARAN. TIDAK WUJUD ISTILAH JALAN SINGKAT DALAM MENCAPAI KEJAYAAN. IBARAT SEPERTI KATA PEPATAH MELAYU, YANG BULAT TIDAK AKAN DATANG BERGOLEK, DAN YANG PIPIH TIDAK AKAN DATANG MELAYANG.

RAMAI YANG AKAN BERJAYA SAMPAI KE DESTINASI KEJAYAAN TETAPI TIDAK KURANG JUGA ADA YANG TERKANDAS DI TENGAH-TENGAH PERJALANAN KERANA LIKU-LIKU PERJALANAN BAGI SEORANG MAHASISWA DAN MAHASISWI SANGAT BERLIKU DAN PENUH DENGAN ONAK RANJAU YANG BERDURI.

SAYA INGIN MENYERU PARA IBU BAPA DAN WARIS UNTUK SENTIASA DAN BERTERUSAN MENGAMBIL BERAT SOAL KEMAJUAN PEMBELAJARAN ANAK MASING-MASING SERTA SEBARANG MASALAH YANG MEREKA HADAPI KETIKA BERADA DI UNIVERSITI INI DAN UNTUK TEMPOH SEPANJANG PENGAJIAN MEREKA.

TUAN-TUAN DAN PUAN-PUAN SEBAGAI IBU BAPA DAN WARIS PELAJAR HARUS PERIHATIN KEPADA PERKEMBANGAN PEMBELAJARAN MEREKA. TANPA SOKONGAN MORAL YANG PADU DAN SIKAP AMBIL BERAT IBU BAPA DAN WARIS, PARA PELAJAR INI AKAN MERASAI DIRI MEREKA SEOLAH-OLAH TERPINGGIR, TERTEKAN DENGAN SITUASI SEMASA DAN TIDAK DIHIRAUKAN SEDANGKAN DI BAHU MEREKA TERGALAS IMPIAN DAN HARAPAN KELUARGA YANG MENJULANG TINGGI UNTUK MELIHAT MEREKA BERJAYA DI DALAM PELAJARAN.

INI BUKAN BERMAKNA PIHAK UNIVERSITI MAHU MELEPASKAN TUGAS DAN TANGGUNG JAWAB TETAPI SAYA MERASAKAN KEDUA-DUA BELAH PIHAK, BAIK KELUARGA MAHUPUN UNIVERSITI HARUS SALING BERKERJASAMA DALAM MEMANTAU PERKEMBANGAN DAN KEMAJUAN AKADEMIK SERTA SAHSIAH DIRI PELAJAR-PELAJAR INI.

IBU BAPA HARUS SENTIASA MENGHUBUNGI ANAK-ANAK DAN WARIS MASING-MASING ATAU PUN MELAWAT MEREKA JIKA PUNYA MASA YANG TERLUANG. PARA IBU BAPA DAN WARIS JUGA DIGALAKKAN MENGHUBUNGI PARA PENSYARAH ATAUPUN MENTOR MEREKA SUPAYA SEGALA PERKEMBANGAN PELAJAR DAPAT DIPEROLEHI DENGAN TELUS DAN JUJUR. PIHAK UNIVERSITI SENTIASA MENGALU-ALUKAN SEBARANG SOALAN MAHUPUN KOMEN DARI IBU BAPA DEMI KEBAIKAN BERSAMA.

SAYA JUGA INGIN MENYERU IBU BAPA SUPAYA SENTIASA MENASIHATI ANAK-ANAK MEREKA SUPAYA TIDAK TERPENGARUH DAN TERLIBAT DALAM SEBARANG KEGIATAN SUBVERSIF ATAU BUDAYA KUNING YANG SEMAKIN KUAT PENGARUHNYA KE ATAS REMAJA-REMAJA KITA DEWASA INI. PENGARUH ARUS GLOBALISASI DAN DUNIA TANPA SEMPADAN SENTIASA MENJADI MUSUH KITA YANG UTAMA DISAMPING MASALAH PENANGGIHAN DADAH YANG SEMAKIN MERUNCING DI SELURUH NEGARA.

SEHUBUNGAN DENGAN ITU, PIHAK UNIVERSITI TELAH MEMPUNYAI PERANCANGAN SENDIRI DALAM MENANGANI GEJALA WABAK SOSIAL INI DENGAN PENDEKATAN DAN KAEDAH YANG SISTEMATIK. KUKUM MEWAJIBKAN PARA PELAJARNYA MENGIKUTI KURSUS BINA NEGARA ASAS MAHASISWA, PROGRAM MAHASISWA DAN MASYARAKAT, PROGRAM BERSAMA KOMUNITI, WACANA SOSIAL, BENGKEL KEPIMPINAN DAN SEBAGAINYA.

MISI KUKUM YANG MAHU MEREALISASIKAN ASPIRASI NEGARA DAN MENYUMBANG KEPADA KETAMADUNAN DUNIA BUKAN SEKADAR MAHU MELAHIRKAN GRADUAN YANG CEMERLANG DI DALAM AKADEMIK SAHAJA. KUKUM MAHU MELAHIRKAN GRADUAN YANG BERSEPADU IAITU MEREKA YANG CEMERLANG DARI SEGI PENCAPAIAN AKADEMIK DAN MEMPUNYAI PERSONALITI UNGGUL, BERKETRAMPILAN, MEMPUNYAI AKAR UMBI SERTA JATIDIRI BANGSA MALAYSIA YANG MANTAP, BERDISPLIN DAN MENJADI CONTOH DAN 'ROLE' MODEL KEPADA KELUARGA, MASYARAKAT DAN NEGARA.

SAYA PERCAYA PEGANGAN AGAMA YANG TEGUH MAMPU MENGHINDARKAN SEGALA PERKARA NEGATIF BERTEDUH BIARPUN SESAAT CUMA DI DALAM DIRI PARA PELAJAR INI. BIAR APA PUN AGAMA YANG DIANUTI, KEPERCAYAAN KEPADA TUHAN ADALAH ASAS TERPENTING DALAM MENENTUKAN TINDAK-TANDUK DAN PERILAKU DIRI MASING-MASING.

AKHIR KATA, MARILAH KITA SEMUA SAMA-SAMA MENDOAKAN KEJAYAAN PARA PELAJAR INI DALAM MELAYARI KEHIDUPAN SEBAGAI MAHASISWA DAN MAHASISWI. TANPA DOA DAN BERKAT IKHLAS DARI IBU BAPA DAN PARA PENDIDIK, SAYA PERCAYA SUKAR BUAT PARA PELAJAR INI UNTUK MENCAPAI KEJAYAAN YANG DIIMPIKAN.

SAYA BAGI PIHAK UNIVERSITI INGIN MEMOHON MAAF KEPADA SEMUA IBU BAPA DAN WARIS JIKA TERDAPAT SEBARANG KESULITAN SEPANJANG TEMPOH PENDAFTARAN PARA PELAJAR PADA HARI INI. TERIMA KASIH DIUCAPKAN SEKALI LAGI KEPADA PARA IBU BAPA DAN WARIS PELAJAR KERANA TELAH SUDI MELUANGKAN SEDIKIT MASA UNTUK BERADA DI HARI YANG CUKUP BERMAKNA BUAT KITA SEMUA INI. DI KESEMPATAN YANG SEDIA ADA INI JUGA, AMBIL LAH PELUANG UNTUK MELAWAT

TEMPAT-TEMPAT YANG MENARIK DI NEGERI INI SEPERTI GUA KELAM,
TAMAN ULAR, TASIK MELATI, PADANG BESAR DAN SEBAGAINYA.

SAYA SUDAH DENGAN WABILLAH TAUFIK WALHIDAYAH
WASSALAMUALAIKUM WARAHMATULLAH TAALA WABARAKATUH.